

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2015

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

HAD NILAI PEMBELIAN KOMPUTER BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (Pindaan Kepada Surat Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2013)

TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab berhubung keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada 25 November 2015 berkaitan penyelarasan semula had nilai pembelian komputer bagi Universiti Malaysia Pahang.

LATARBELAKANG

2.1 Surat Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2013 menetapkan had nilai pembelian komputer desktop adalah RM2,500.00 bagi tujuan penyeragaman kadar harga antara PTJ sebagaimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Universiti pada 14 Februari 2013 dalam sesi perbincangan muktamad bajet bagi tahun 2013.

HAD NILAI PEMBELIAN KOMPUTER

3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti bersetuju meluluskan penyelarasan semula had pembelian komputer selaras dengan kenaikan harga barang semasa;

3.2 Had nilai pembelian komputer *desktop* dinaikkan daripada kadar semasa RM2,500.00 kepada RM3,500.00 bagi tujuan penyeragaman kadar harga antara PTJ dengan syarat menggunakan model *business series, minimum processor- Intel core i5* dan mempunyai pakej waranti selama 3 tahun. PTJ tidak dibenarkan membeli komputer model *consumer* atau *home series*.


3.3 Dekan/Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan kelulusan pesanan tempatan di PTJ mematuhi peraturan di atas.

TARIKH KUAT KUASA

4. Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa dari tarikh 15 Disember 2015.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

15 Disember 2015

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar